



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 14 MEI 2024**

BEL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KEBUNITI MADANI TINGKAT HASIL KOMUNITI PONTIAN, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	TELUK BAHANG KEMBALI JADI LOKASI PENYU BERTELUR, NEGARA, KOSMO -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	BERATUR SEJAK PUKUL 8 PAGI BERAS DI JUALAN AGRO MADANI, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
4.	PETANI BENDANG TOK AJAM SERONOK HASIL PADI LAPAN TAN, DALAM NEGERI, UM -33	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	HASIL PADI NAIK SEKALI GANDA, LOKAL, HM -19	
6.	TIADA BELIAN PUKAL ELAK SELEWENG DIESEL, NEGARA, KOSMO -6	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7.	NO SWEET YIELD FOR HARUMANIS FARMERS, NATION, THE STAR -13	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2024	KOSMO	NEGARA	18

Teluk Bahang kembali jadi lokasi penyu bertelur

TELUK BAHANG – Sebuah pusat konservasi marin dibina di Pantai Teluk Bahang di sini sebagai kaedah untuk menjadikannya salah satu lokasi mesra penyu supaya usaha pemeliharaan dan rehabilitasi spesies terancam itu.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, ia disebabkan pantai berkenaan kembali menjadi lokasi pendaratan penyu lipas dan agar untuk bertelur selepas hampir 20 tahun.

"Pusat konservasi itu dibina oleh Aquawalk Group serta Hotel Angsana Teluk Bahang dan Universiti Malaysia Terengganu sebagai tanggungjawab sosial korporat mereka.

"Berdasarkan rekod dari tahun 2019 hingga 2023, Pulau

Pinang mencatatkan data pendaratan ibu penyu sebanyak 292 kali dan pendaratan reptilia ini tertumpu di Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Teluk Bahang," katanya.

Menurut Wan Muhammad, sebanyak 17,607 daripada 27,701 biji telur penyu berjaya ditetaskan.

Tambahnya, selain penyu lipas, Teluk Bahang turut didarati oleh penyu agar.

"Kedua-duanya merupakan spesies terancam. Pulau Pinang lebih luas dan perlu menjadi lokasi mesra penyu untuk meningkatkan pendaratannya.

Terdahulu, Wan Muhammad Aznan menandatangani perjanjian memorandum persefahaman antara Pengarah Urusan Pengarah Urusan Aquawalk Group, Datuk Simon Foong.



PENYU agar kembali mendarat di Teluk Kemang selepas hampir 20 tahun 'menghilang'.



PROJEK Kebuniti Madani dijalankan untuk menaikan taraf hidup dan pendapatan masyarakat setempat melalui penjualan hasil sayur-sayuran. – GAMBAR HIASAN

Kebuniti Madani tingkat hasil komuniti Pontian

PONTIAN – Jabatan Pertanian Johor memperuntukkan RM94,000 untuk membina Kebuniti Madani yang akan menghasilkan pelbagai jenis sayur bagi mempertingkatkan pendapatan komuniti daerah ini.

Pengarahnya, Yosri Mohd. berkata, antara sayuran berdaun, pokok yang akan ditanam ialah cili besar, timun, peria, petola kaedah fertigasi dan berpara.

Katanya, kebuniti itu melibatkan komuniti di Parit Jambi Benut, Parit Mokhyat dan Taman

Megah.

"Setiap komuniti akan terima RM21,000 dalam bentuk peralatan dan input pertanian," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan Insentif Pertanian Kebuniti Madani di sini yang dirasmikan Ahli Parlimennya, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Menurut Yosri, program itu akan menambah pengeluaran hasil pertanian dan pihaknya mengalu-alukan komuniti setempat seperti penduduk, pihak masjid dan surau untuk menyertai projek berkenaan.

14/5/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

Petani Bendang Tok Ajam seronok hasil padi lapan tan

PASIR PUTEH: Petani yang mengusahakan tanaman padi menerusi konsep Smart Berskala Besar (SBB) ala Sekinchan di Bendang Tok Ajam di sini meluahkan rasa seronok apabila hasil pengeluaran mencecah lapan tan sehektar.

Ismail Dollah, 53, berkata, menerusi kaedah sedia ada sebelum ini dia hanya memperoleh hasil sekitar tiga tan sahaja untuk keluasan yang sama.

"Kaedah ini membantu kami meraih hasil yang luar biasa sekali gus memperoleh pendapatan lumayan berbanding sebelumnya.

"Secara tidak langsung, kami membantu kerajaan memastikan bekalan makanan negara sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan penduduk," katanya ketika ditemui pada Majlis Penutupan Padi SBB ala Sekinchan di bendang Tok Ajam di sini semalam.

Ismail memberitahu, pertambahan hasil itu membakar lagi seronoknya untuk mengusahakan tanaman padi menggunakan konsep SBB ala Sekinchan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Muhammad Husin berkata, projek rintis di kawasan seluas 68 hektar



MUHAMMAD HUSIN (tiga dari kiri) bersama petani menyaksikan hasil padi di Bendang Tok Ajam, Jelor, Pasir Puteh, Kelantan semalam. - UTUSAN/TOREK SULONG

itu menunjukkan hasil positif apabila meningkat sekali ganda.

"Purata hasil padi yang diperoleh adalah 6.47 metrik tan untuk keluasan sehektar berbanding sebelum ini hanya tiga tan.

"KADA bercadang meluaskan projek ini membabitkan pertambahan 80 hektar lagi bendang yang pada musim hadapan, menjelang Jun depan," ujarnya.

Muhammad Husin memberitahu, kesemua 35 petani itu meng-

usahakan tanaman padi varieti MR297 dan CI220.

"KADA akan terus berusaha merealisasikan kawasan operasi-nya sebagai balok padi negara yang menyumbang produktiviti bekalan beras negara dalam konteks kerterjaminan makanan.

"Kita berharap musim pertama 2024 pada Jun nanti akan dibantu dengan taburan hujan yang mencukupi serta penggunaan pam air," katanya.

Beratur sejak pukul 8 pagi beli beras di Jualan Agro Madani

PASIR MAS: Penduduk di daerah ini sanggup beratur seawal pukul 8 pagi untuk membeli beras pada harga murah menerusi Jualan Agro Madani Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang berlangsung di pekanangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kangkong semalam.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati rata-rata penduduk tidak melepaskan peluang mendapatkan sekampit beras sebanyak 10 kilogram (kg) yang dijual pada harga RM25.

Seorang warga emas, Kamariah Mamat, 70, berkata, dia tidak melepaskan peluang membeli enam kampak beras untuk dijadikan sebagai stok.

Menurutnya, pembelian dalam kuantiti yang banyak itu disebabkan dia mempunyai ahli keluarga yang ramai.

"Jualan Agro Madani ini amat membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan seperti saya. Hal ini kerana harga yang ditawarkan cukup murah berbanding pas-

ran biasa.

"Biasanya, harga runcit sekampit beras untuk berat yang sama boleh mencecah sehingga RM30," katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPP Nik Mohd. Shahari Nik Md. Hashim memberitahu, penjualan beras menerusi Jualan Agro Madani di negeri meningkat sehingga 6,000 kampak bermula 29 April sehingga 13 Mei lalu.

Katannya, jualan ini merupakan satu daripada usaha kerajaan membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan barangan keperluan pada harga murah.

"Alhamdulillah, sebanyak 2,000 kampak beras telah dijual. Menariknya, hari ini (semalam) beras dijual RM25 lebih rendah daripada harga kawalan iaitu RM26.

"Inisiatif yang diambil oleh PPK Kangkong ini memberikan manfaat kepada kepada ahli dan penduduk setempat," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2024	KOSMO	NEGARA	6

Tiada belian pukal elak seleweng diesel

ALOR SETAR – Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menambah baik prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pembelian diesel bersubsidi dalam kalangan nelayan bagi mengelak aktiviti penyelewengan bahan subsidi itu.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, antara SOP tersebut adalah tiada lagi pembelian secara pukal diesel berkenaan oleh nelayan bagi mengekang ketirisan.

Katanya, tindakan itu susulan kes penyelewengan diesel yang melibatkan nelayan di Kuala Muda pada bulan lepas.

"Seminggu selepas kejadian itu berlaku, kita panggil semua pegawai dan pengurus besar persatuan nelayan kawasan (PNK) yang terlibat dengan jualan diesel untuk mengadakan pertemuan dan memperbaiki beberapa SOP atau tatacara yang kita ketatkan untuk pastikan tiada ketirisan seperti ini.

"Antara SOP ini, kita tidak bagi lagi pembelian secara pukal kerana kadang-kadang berlaku pembelian pukal tetapi kini kita tak beri lagi," katanya ketika ditemui selepas Majlis Rahmah Mesra Bersama Nelayan Kuala Kedah di Slipway PNK Kuala Kedah, Kampung Telok Layang di sini semalam.

Akhbar ini sebelum ini melaporkan dua lelaki ditahan polis ketika cuba memindahkan minyak diesel bersubsidi dari sebuah treler ke dalam dua lori di sebuah premis di Bedong, Kuala Muda dekat sini.

Hasil siasatan polis mendapati, treler muatan diesel berkenaan dipercayai milik sebuah persatuan nelayan dan dipandu seorang lelaki tempatan berusia lewat 30-an.

Mengulas lanjut, kata Muhammad Faiz, jumlah pembelian diesel bersubsidi tersebut tertakluk kepada jenis bot yang dikendalikan nelayan terlibat.

"Setiap bot ada kapasiti minyak kalau bot jenis C ia adalah 17,000 liter. Kalau petrol sebenarnya tidak ada masalah kecuali berlaku ketirisan di peringkat stesen minyak," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/5/2024	HARIAN METRO	LOKAL	19

Hasil padi naik sekali ganda

Pasir Puteh: Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan berjaya meningkatkan hasil padi di Kampung Tok Ajam sebanyak sekali ganda.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Muhammad Hussin berkata, musim lalu petani di kawasan berkenaan hanya memperoleh sekitar tiga metrik tan sehektar saja namun selepas menyertai SMART SBB, hasil padi meningkat sehingga 6.47 metrik tan sehektar.

Beliau berkata, ada petani yang mampu mencapai lapan metrik tan sehektar.

“Ini hasil yang membanggakan bagi projek perintis SMART SBB ala Sekinchan yang pertama dilaksanakan di Kelantan, jadi kita anggap berjaya.

“Kita harap dengan kejayaan ini lebih banyak ta-

naman padi dan petani menyertai program ini pada musim akan datang,” katanya ketika ditemui dalam Majlis Penuaian Projek SMART SBB ala Sekinchan di Tok Ajam di sini, semalam.

Muhammad berkata, projek itu disertai 35 petani dengan keluasan 64 hektar.

Katanya, dengan kejayaan itu, Kada berharap 80 hektar lagi kawasan padi di lokasi sama dapat menyertai projek SMART SBB ala Sekinchan musim tanaman baru bermula 1 Jun ini.

Sementara itu, petani, Tuan Suh Tuan Mahmood, 61, berkata, hasil padinya meningkat daripada 1.9 metrik tan sehektar kepada 3.8 metrik tan sehektar, musim ini.

Katanya, peningkatan itu memberi hasil pendapatan lebih banyak kepada petani.



MUHAMMAD (kiri) bersama sebahagian petani ketika Majlis Penuaian Projek SMART SBB.

No sweet yield for Harumanis farmers

Despite surging demand locally and from abroad, heat proving a tough challenge

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

KANGAR: Despite the soaring demand for Harumanis mangoes, farmers are grappling to meet expectations as the prolonged hot spell is dashing hopes for a fruitful harvest this year.

Farmer Mohd Nasir Salim, 33, said his farm failed to produce the usual yield due to the ongoing heatwave.

"This year, I received plenty of orders, higher than usual, but I am unable to fulfil some of them."

Mohd Nasir said so far, he had only sold slightly over 500kg, which was considerably less than normal.

"The season will continue until the end of June, and I hope the output will be better in the next few weeks," he added.

Azhar Umar, 45, said fewer fruits this year meant that the price would go up for the aromatic mangoes.

"This year, some traders are charging about RM30 per kg for Harumanis compared to the previous season which was between RM20 and RM25," he said.

He hopes that relevant agencies can assist farmers in enhancing their yield, particularly in addressing irrigation challenges during droughts.

"Perhaps they could support us in constructing small irrigation canals near our farms for water usage during future hot spells," he said.

On average, Harumanis mangoes can fetch between RM20 and RM25 per kg in Perlis but in other parts of the country, it is typically higher.

It is also the most expensive local mango in the country, with prices reaching RM40 per kg in the past.

Harvested only once a year, the sweet and aromatic Harumanis is a special breed of mangoes that maintains its green skin even

when it is ripe.

They are highly sought after and exported to countries like Singapore, Japan, China and the United States.

The ideal temperature for the Harumanis mangoes to pollinate and produce fruits is between 31°C and 32°C.

Meanwhile, Perlis Harumanis Entrepreneurs Association chairman Datuk Hashim Suboh said government agencies should come forward to help Harumanis farmers and entrepreneurs in Perlis in improving their yield.

"I think the biggest challenge is meeting increasing demand.

"It's crucial to identify factors contributing to shortages and address them through proactive measures such as plantation monitoring, research and development and sustainable farming practices so there will be continued growth and sustainability of Harumanis, which is an important part of the country's agricultural heritage," he said.



Easy does it: Mohd Nasir picking a Harumanis mango with his son at his farm at Sungai Batu Pahat in Kangar, Perlis.